

Tatu dan tindik ada seni?

JEPY a/l Nuai mempunyai senyuman yang manis. Jejak berusia 25 tahun, beragama Kristian, berbangsa Bidayah dan berasal dari Serian, Sarawak itu hanya bersinglet putih lengan pendek ketika ditemui.



Bertindik kerana pengaruh rakan.

Lengannya dipenuhi tatu gambar merak manakala di bahagian belakang tubuhnya, tatu lukisan rumah.

"Semua kawan-kawan pun ada tatu, nampak cantik. Saya buat kerana teringin."

Kecantikan seni tatu membuatkan Jepy teruja untuk melakukannya walaupun dia tidak menafikan terasa amat sakit ketika membuatnya.

Menurut Jepy, tatu melambangkan keberanian dan menjadi tradisi kebanggaan keluarga di kalangan kaumnya.

"Ada tatu bermakna berani dan keluarga tidak marah kerana ini perkara biasa bagi kami." Memerhatikan tatu di lengan Jepy, ternyata ia dibuat dengan penuh teliti dan berseni.

"Mula-mula gambar yang kita pilih dilukis menggunakan pen biasa. Selepas itu baru guna jarum bermesin. Jarum mencucuk-cucuk macam mesin jahit. Untuk lukisan sebegini, tiga jam lamanya. Memang sakit tetapi itu tidak mematahkan semangat. Rasa? Rasa macam dicucuk jarumlah!" jawab Jepy sambil ketawa kecil.

Penulis dan jurugambar terasa ngeri mendengar cerita Jepy tetapi dia begitu bersahaja. Baginya, keſakitan bukan masalah besar dan dia puas hati melihat hasil diperoleh.

Selesai bertatu, keſakitan terus dirasai hingga hari ketiga. Kesan cucukan baru mula reda dan selepas seminggu, kulit akan terkopek. Itu boleh dikira sebagai petanda penyembuhan luka. Jepy juga menyapu minyak bayi untuk melegakan keſakitan tatu.

Harga membuat tatu seperti di lengan Jepy boleh mencecah hingga RM3,000 tetapi dia mendapatnya secara percuma daripada teman. Jepy sedar tatu akan kekal di tubuhnya tetapi itu bukan masalah.

Bertindik

Jepy juga bertindik banyak di telinga secara satu persatu dan bahagian atas cuping telinga paling sakit ketika dicucuk. Seperti tatu, Jepy bertindik

kerana minat dan menganggapnya cantik. Apabila melihat kawan-kawan bertindik, dia pun mengikut. Tidak berminat bertindik di lidah, tanya penulis. Jepy menggeleng. Menurutnyanya, bertindik di lidah amat sakit. Melalui pengalaman temannya, selama sebulan tidak boleh makan nasi, terpaksa menelan bubur sahaja. Bagaimana jika sudah tua nanti, adakah subang terus dipakai? Jepy tergelak dan menjawab, "Oh, sudah tua nanti tidak payah pakailah!" jawapnya mengakhiri perbualan. Anak muda itu bertatu dan bertindik kerana minat dan terpengaruh dengan rakan sekelilingnya tanpa memikirkan kesan jangka panjang.



Kecantikan merak diabadikan di lengan.